



UPM Jalin Kerjasama Pendidikan Awam-Swasta



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (empat dari kanan) bergambar bersama-sama penandatanganan MoA program kerjasama antara UPM-IPTS baru-baru ini.

SERDANG, 1 April – Universiti Putra Malaysia (UPM) meluaskan peluang pendidikan dengan menjalinkan kerjasama pendidikan awam-swasta melalui perjanjian kerjasama dengan enam kolej swasta (IPTS).

Pengarah Pusat Pendidikan Luar (PPL) UPM, Prof. Dr. Abd Aziz Saharee berkata memorandum perjanjian (MoA) tersebut bertujuan untuk menghasilkan graduan yang berkualiti setanding dengan graduan kampus induk dan membantu IPTS menerap budaya akademik yang cemerlang.

"Program ini bertujuan membuka peluang yang lebih luas kepada masyarakat untuk melanjutkan pengajian tinggi disamping menggalakkan penawaran program akademik secara jarak jauh dan program kerjasama dengan IPTS," katanya.

Antara program yang ditawarkan Kolej Teknologi Antarabangsa ialah Diploma Sains Komputer, Bachelor Sains Komputer dan Bachelor Pentadbiran Perniagaan.

Kolej Teknologi Timur menawarkan Diploma Sains Komputer dan Diploma Pembangunan Manusia di samping Kolej UNITI menawarkan Diploma Kejuruteraan Teknologi Multimedia.

Sementara itu Kolej Risa menawarkan program Diploma Sains Komputer, Diploma Pertanian dan Diploma Pengurusan Perniagaan manakala Kolej Shahputra menawarkan Diploma Sains Komputer, Diploma Pengurusan Perniagaan dan Bachelor Pentadbiran Perniagaan dan Kolej Teknologi Bestari menawarkan Diploma Sains Komputer, Diploma Pengurusan Perniagaan dan Bachelor Pentadbiran Perniagaan.

Program kerjasama UPM-IPTS yang dikendalikan oleh PPL merupakan kesinambungan kali ketiga untuk menggalakkan penawaran program akademik secara jarak jauh.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata UPM dan PPL sentiasa memantau proses pembelajaran serta kualiti pengajaran bagi program berkenaan melalui badan khas yang dilantik oleh Senat universiti untuk memastikan kualiti prasarana dan pengendalian pengajaran dan pembelajaran berada dalam keadaan yang baik.

"UPM telah memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan mencapai tahap kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan mematuhi piawaian yang ditetapkan."

PPL UPM telah mendapat persijilan MS ISO 9001:2008 pada September 2006 dan salah satu skop aktiviti PPL berkaitan dengan proses pengendalian akademik program kerjasama UPM-IPTS di peringkat diploma dan bachelor.

Dokumen MoA tersebut ditandatangani oleh Dr. Nik Mustapha mewakili UPM dan oleh Pengerusi Eksekutif Kolej Shahputra, Dato' Dr. Azman Zaini Abdul Ghanie; Ketua Eksekutif Kolej Teknologi Timur, Datin Norayini Ali mewakili; Pengerusi Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Dato' Dr. Mohd Nasir Ismail; Pengerusi Eksekutif Kolej Teknologi Bestari, Dato' Dr. Tengku Mahmud Mansur; Ketua Eksekutif Kolej Risa, Datin Dr. Faridah Mohd Rashid dan Ketua Eksekutif Kolej UNITI, Mohd Zayed Sulaiman.



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (empat dari kanan) bersama-sama penandatanganan MoA sedang memerhatikan dokumen perjanjian program kerjasama antara UPM-IPTS.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.